

# SUNVASC 5 TABLET®

Amlodipine besylate 6.934mg (bersamaan dengan Amlodipine 5mg)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sunvasc 5 Tablet.
2. Bagaimana Sunvasc 5 Tablet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Sunvasc 5 Tablet.
4. Cara menggunakan Sunvasc 5 Tablet.
5. Semasa menggunakan Sunvasc 5 Tablet.
6. Kesan-sesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sunvasc 5 Tablet.
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Sunvasc 5 Tablet

Sunvasc 5 Tablet digunakan untuk rawatan tekanan darah tinggi, iskemia miokardium (serangan jantung), khususnya angina stabil dan /atau angina Prinzmetal's/ varian, sama ada bersendirian atau kombinasi dengan ubat-ubatan lain.

## Bagaimana Sunvasc 5 Tablet Berfungsi

Bahan aktif yang terkandung dalam ubat aktif ini ialah *Amlodipine Besylate*. Ia tergolong dalam kumpulan penyekat terusan kalsium. Ia menurunkan tekanan darah dengan mengendurkan otot-otot pada salur darah.

## Sebelum Mengambil Sunvasc 5 Tablet

### Bila tidak boleh mengambil

Anda alergi kepada *Amlodipine besylate* atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam produk ini.

### Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor jika anda:-

- Mengandung/ Disyaki mengandung.
- Merancang untuk mengandung.
- Menyusukan bayi.

Tidak digalakkan untuk digunakan oleh kanak-kanak dan gunakan ubat ini dengan langkah berjaga-jaga jika anda mempunyai masalah hati.

### Jika mengambil ubat- ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubat-ubatan yang tidak digalakkan diambil bersama dengan Sunvasc 5 Tablet. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubatan yang sedang diambil termasuk ubat-ubatan yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubatan berikut:-

- Ubat penurunan darah tinggi yang lain.
- Ubat penyakit jantung yang lain.

## Cara menggunakan Sunvasc 5 Tablet

### Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada amanu yang disyorkan.

Dos permulaan biasa bagi dewasa adalah 5mg sehari. Dos harian maksima adalah 10mg bergantung kepada keadaan anda.

### Bila perlu digunakan

Sunvasc 5 Tablet harus digunakan sekali sehari pada waktu pagi selepas sarapan pagi. Telan ubat dengan air kosong.

### Berapa lama perlu digunakan

Iikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan kecemasan.

## Semasa menggunakan Sunvasc 5 Tablet

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Sunvasc 5 Tablet mengikut arahan doktor.

### Perkara tidak perlu dilakukan

Jangan kongsi ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

### Perkara yang perlu diberikan perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

## Kesan- kesan sampingan

Kesan-sesan sampingan biasa ialah pening, loya, rasa mengantuk, sakit kepala, penyimpanan cecair, ketidakselesaan gastrousus, ruam kulit, keletihan umum.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan-sesan lain semasa pengambilan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

## Cara Penyimpanan & Pelupusan Sunvasc 5 Tablet

### Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

### Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan yang berlebihan secara sebarang.

Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan ubat.

## Maklumat Lanjut

### Rupa dan warna produk

Tablet bulat, rata, berwarna putih dan berskor pada satu muka.

### Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif  
*Amlodipine besylate* 6.934mg bersamaan dengan *Amlodipine* 5mg .

-Bahan tidak Aktif

*Magnesium stearate, sodium starch glycolate, microcrystalline cellulose, calcium phosphate dibasic (anhydrous).*

### Nombor MAL:

MAL07021417A

## Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
9,11 & 17 Jalan Kempas 4,  
Taman Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
9,11 & 17 Jalan Kempas 4,  
Taman Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia

## Tarikh Kemaskini RiMUP

8/7/2014